

## BUDAYA INOVASI PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH TS25

*Culture of Teaching Innovation For Primary Islamic Education Teachers TS25*

\*Siti Hazlini Haris<sup>1</sup>, Norhisham Muhamad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Sekolah Kebangsaan Clifford,  
Jalan Raja Perempuan Taayah, Kampung Banjar,  
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

<sup>2</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [hazlini86@gmail.com](mailto:hazlini86@gmail.com)

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
14-Feb-2025	24-Feb-2025	16-Mar-2025	29-Jun-2025

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap budaya inovasi dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah, berdasarkan empat perspektif utama, iaitu *Aql Tamyiz* (budaya analisis), *Aql Tajribi* (budaya penciptaan), *Aql Nazari* (budaya pengaplikasian), dan *Al-Taqat Al-Quswa* (budaya penilaian), dalam konteks Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas. Sebanyak 397 orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang terlibat dalam TS25 telah dipilih sebagai responden melalui gabungan teknik persampelan rawak berstrata dan rawak mudah. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti kekerapan, min, dan sisihan piawai dengan bantuan perisian SPSS versi 26.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap budaya inovasi pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah TS25 adalah pada tahap tinggi, dengan nilai min ( $M=4.03$ ,  $SP=0.52$ ). Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah TS25 mempunyai pemahaman yang jelas dan bersedia untuk mengamalkan budaya inovasi dalam pengajaran mereka sebagai pendekatan moden dalam pendidikan. Implikasi daripada kajian ini mencadangkan bahawa pelaksanaan budaya inovasi yang sesuai di sekolah dapat mempertingkatkan rantai nilai inovasi dalam pendidikan.

**Kata kunci:** *Aql Tamyiz*, *Aql Tajribi*, *Aql Nazari*, *Al-Taqat Al-Quswa*, inovasi

### Abstract

This study aims to identify the level of innovation culture among primary Islamic Education teachers, based on four main perspectives, namely *Aql Tamyiz* (culture of analysis), *Aql Tajribi* (culture of creation), *Aql Nazari* (culture of application), and *Al-Taqat Al-Quswa* (culture of evaluation), in the context of the School Transformation Programme 2025 (TS25). The study was conducted using a quantitative approach with a cross-sectional survey design. A total of 397 primary Islamic Education teachers involved in TS25 were selected as respondents through a combination of stratified and simple random sampling techniques. The data was analysed using descriptive statistics such as frequency, mean, and standard deviation with the help of SPSS software version 26.0. The findings of the study showed that the level of teaching innovation culture among TS25 primary school Islamic Education teachers was at a high level, with a mean value ( $M=4.03$ ,  $SP=0.52$ ). In conclusion, this study found that TS25 primary school Islamic Education teachers have a clear understanding and are willing to adopt a culture of innovation in their teaching as a modern approach in education. The implications

*from this study suggest that the implementation of an appropriate culture of innovation in schools can enhance the innovation value chain in education.*

**Keywords:** *Aql Tamyiz, Aql Tajribi, Aql Nazari, Al-Taqqat Al-Quswa, innovation*

## 1.0 PENGENALAN

Perkembangan globalisasi dan kemajuan teknologi yang pesat telah membawa perubahan besar dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk sektor pendidikan. Seiring dengan arus perubahan ini, sistem pendidikan perlu menjalani transformasi yang bukan sahaja melibatkan integrasi teknologi tetapi juga peningkatan ilmu pengetahuan serta aplikasi praktikal dalam pengajaran dan pembelajaran. Langkah ini amat penting untuk memastikan pendidikan kekal relevan dan mampu melahirkan individu yang bersedia menghadapi cabaran dunia moden (Abdullah, N., 2020). Dengan perubahan yang strategik, pendidikan dapat menjadi pemacu utama dalam membangunkan modal insan berkualiti tinggi.

Menyedari kepentingan inovasi dalam dunia pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan sistem pendidikan negara terus berkembang, selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21. Dalam usaha untuk memupuk budaya inovasi dalam kalangan guru, KPM telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan pelbagai strategi. Antaranya adalah melalui penyusunan Model Standard Guru Malaysia, yang menekankan nilai kreatif dan inovatif sebagai ciri utama yang perlu dimiliki oleh setiap guru (Standard Guru Malaysia, 2009).

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) telah diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif utama bagi menegaskan peranan inovasi serta menggalakkan guru mengamalkan pendekatan inovatif dalam PdP untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara agar seiring dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025). TS25 dirancang sebagai usaha komprehensif untuk memastikan sistem pendidikan Malaysia berada pada tahap yang selaras dengan perkembangan global dan dapat melahirkan generasi murid yang berdaya saing. Sehubungan itu, kewujudan sekolah TS25 merupakan langkah strategik ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti, menerusi barisan guru yang kompeten, berdaya aspirasi tinggi, dan komited dalam memastikan pengajaran berkualiti dapat disampaikan kepada murid (Wan Ali Akbar, Khadijah Abdul Razak & Isa Hamzah, 2021). Fokus utama TS25 adalah untuk memperkasakan inovasi dalam pedagogi guru, khususnya dalam pelaksanaan PdP, bagi memastikan kaedah pengajaran yang lebih berkesan dan relevan dengan keperluan murid masa kini (Zainuddin Zakaria et al., 2021).

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi masa kini, sistem pendidikan menghadapi cabaran besar untuk memastikan pembelajaran kekal relevan dengan keperluan generasi masa depan. Salah satu aspek yang semakin mendapat perhatian ialah pembudayaan inovasi dalam pengajaran, khususnya dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). Walau bagaimanapun, usaha ke arah pembudayaan inovasi ini masih berdepan dengan pelbagai halangan dan isu yang perlu ditangani dengan teliti untuk memastikan transformasi pendidikan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Isu utama yang dihadapi oleh GPI dalam menjayakan pembudayaan inovasi adalah kekurangan kefahaman dan pengetahuan untuk menghasilkan inovasi.

Kekurangan ini menghalang mereka daripada mengaplikasikan inovasi dalam pengajaran dan seterusnya tidak dapat mempelbagaikan kaedah serta strategi pengajaran yang menarik sebagai amalan terbaik pedagogi (Wan Ali Akbar et al., 2020b; Hamzah, H., Henry, J. D., & Mahamod, Z. (2021).

Kajian yang dilakukan oleh Awi, N. L., & Zulkifli, H. (2021) mendapati bahawa GPI tidak memahami konsep elemen pengajaran kreatif dan inovatif. Kekurangan ini menyukarkan mereka untuk mengenal pasti masalah, menghasilkan idea baharu, dan melaksanakan pendekatan inovatif dalam pengajaran. Dalam konteks ini, kesediaan guru untuk menyuarakan kreativiti mereka amat penting kerana ia dapat memastikan aliran idea dan inovasi yang segar, sesuai untuk diimplementasikan dalam pengajaran (Azzaakiyyah, H. K., 2023).

Di samping itu, guru juga kurang pendedahan terhadap kaedah menghasilkan inovasi pengajaran. Malah, mereka sering tidak tahu bagaimana dan di mana untuk memulakan proses inovasi (Ahmad, M. N., Abdul Razak, K., & Muhammad Nor, M. S., 2021). Latihan yang mencukupi mengenai teknik inovatif dan penggunaan teknologi dalam pengajaran turut didapati terhad. Walaupun guru beroperasi dalam persekitaran pengajaran abad ke-21, input berkaitan inovasi pengajaran yang diterima adalah sangat terhad (Wan Ali Akbar, K., Abdul Razak, K., & Hamzah, M. I., 2022).

Menurut Isnon, H., & Badusah, J. (2017), didapati bahawa guru-guru kurang menguasai kemahiran dalam mencari, memahami, menganalisis, dan menggunakan maklumat secara berkesan. Walaupun mereka sedar tentang keperluan dan manfaat inovasi, terdapat keengganan untuk menerima atau melaksanakan perubahan (Abdullah, N. H. H. b., & Darusalam, G., 2018). Kajian lain turut mendapati bahawa walaupun guru mengetahui kepentingan inovasi, mereka cenderung untuk menolak, tidak menggunakan, atau menerapkannya dalam pengajaran mereka (Faisal, S. A. M., & Adnan, N. H., 2021).

Di samping itu, transformasi pendidikan yang menuntut penguasaan teknologi turut menjadi cabaran kepada guru. Kehadiran teknologi menjadikan suasana pengajaran lebih kompleks, kerana guru perlu mengintegrasikan teknologi ke dalam inovasi pengajaran mereka. Ramai Guru Pendidikan Islam (GPI) mempunyai tanggapan bahawa inovasi hanya melibatkan penghasilan produk atau alat yang canggih. Tanggapan ini, ditambah dengan kekurangan pengetahuan mengenai teknologi terkini, menimbulkan kesukaran untuk mengaplikasikan bahan media atau teknologi dalam pengajaran mereka (Omar, M. R., & Puteh, S., 2019).

Dalam konteks ini, budaya inovasi memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan, khususnya dalam penghasilan inovasi yang berkualiti (Daraba et al., 2023). Kajian ini berasaskan teori budaya inovasi (Thaqafah Umrān) oleh Ibnu Khaldun (2002), yang memfokuskan kepada empat pemboleh ubah utama: Aql Tamyiz (budaya analisis), Aql Tajribi (budaya penciptaan), Aql Nazari (budaya aplikasi), dan Al Taqat Al Quswa (budaya penilaian), yang mencerminkan kemampuan serta kemahiran untuk berinovasi. Aql Tamyiz ialah budaya menganalisis, yang melibatkan keupayaan untuk membuat penilaian kritikal terhadap situasi; Aql Tajribi (budaya mencipta), pula menekankan kebolehan menghasilkan idea atau penyelesaian baharu; Aql Nazari (budaya mengapikasi), merujuk kepada keupayaan menggunakan pengetahuan secara praktikal; dan Al-Taqat Al-Quswa (budaya menilai), iaitu kemahiran menilai keberkesanan sesuatu tindakan atau keputusan.

Sehubungan itu, kajian ini amat penting untuk mengenal pasti tahap budaya inovasi dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. Ini kerana, bagi mencapai objektif inovasi pengajaran, peranan GPI adalah sangat penting bergantung kepada persekitaran yang menyokong.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif kajian seperti berikut:

- a) Mengenal pasti budaya inovasi dari sudut Aql tamyiz (budaya menganalisis), Aql Tajribi (budaya penciptaan) Aql Nazari (budaya pengaplikasian) Al-Taqaat Al-Quswa (budaya penilaian) guru Pendidikan Islam di sekolah rendah TS25.

### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian merujuk kepada perancangan atau strategi yang digunakan untuk melaksanakan penyelidikan, termasuk cara-cara untuk menjalankan kajian, memperoleh data, serta kaedah analisis data yang sesuai untuk mencapai matlamat kajian. Dalam kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan adalah tinjauan dan deskriptif, bertujuan untuk mengenal pasti tahap budaya inovasi dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah TS25.

Keseluruhan populasi GPI bagi sekolah program TS25 di seluruh Malaysia adalah seramai 35, 688 orang (KPM, 2022). Sampel kajian ialah 380 orang guru sekolah rendah TS25. Dalam kajian ini, pengkaji menggabungkan persampelan rawak bersrata dengan rawak mudah iaitu membuat strata terhadap populasi dan memilih secara rawak kerana bilangan populasi yang tidak seragam di setiap zon (Darusalam, G., & Husin, S., 2018). Teknik ini digunakan untuk memastikan bahawa setiap subkumpulan dalam populasi diwakili secara adil dalam sampel akhir (Cochran, W. G., 1977). Berdasarkan kaedah persampelan rawak bersrata, pembahagian jumlah sampel responden dibahagikan kepada lima zon utama di Malaysia.

Seterusnya, pengkaji telah melakukan persampelan rawak dalam setiap strata. Ini memudahkan pengurusan dan pengumpulan data pengkaji, kerana populasi adalah besar. Oleh itu, pengkaji telah memilih secara rawak 20 buah sekolah bagi setiap zon di Malaysia dan saiz sampel ialah 80 orang GPI bagi setiap unit zon yang dipilih. Oleh kerana 20 sekolah dipilih dari setiap zon, pengkaji memilih 100 sekolah bagi memastikan terdapat keseimbangan antara jumlah sekolah dan saiz sampel yang diperlukan. Seramai 397 orang GPI telah mengembalikan soal selidik.

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan adalah instrumen sedia ada yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian dengan objektif kajian. Soal selidik dibangunkan berdasarkan kajian-kajian terdahulu dan tinjauan literatur yang telah dibina oleh penyelidik sebelumnya, lalu disesuaikan dengan keperluan kajian ini. Item-item dalam soal selidik telah diubah suai dengan bantuan sembilan orang pakar dalam bidang yang berkaitan untuk memastikan kesesuaian dengan kajian ini.

Konstruk budaya inovasi dalam soal selidik dibina berasaskan kupasan teori Ibnu Khaldun (2002) merangkumi empat peringkat iaitu Aql tamyiz (budaya menganalisis), Aql Tajribi (budaya mencipta), Aql Nazari (budaya mengaplikasi) dan Al Taqaat Al-Quswa (budaya menilai). Pengkaji juga mengadaptasi item-item daripada kajian Wan Ali Akbar Wan Abdullah (2022), dan Othman, M. S. (2020) yang selari dengan teori Ibnu Khaldun. Teori ini terdiri daripada empat tahap pemikiran utama, iaitu Aql Tamyiz (budaya menganalisis), yang melibatkan keupayaan untuk membuat penilaian kritikal terhadap situasi; Aql Tajribi (budaya mencipta), yang menekankan kebolehan menghasilkan idea atau penyelesaian baharu; Aql Nazari (budaya mengaplikasi), yang merujuk kepada keupayaan menggunakan

pengetahuan secara praktikal; dan Al-Taqaat Al-Quswa (budaya menilai), iaitu kemahiran menilai keberkesanan sesuatu tindakan atau keputusan.

Soal selidik telah ditadbir melalui google form. Soalan dibentuk menggunakan format Skala Likert lima peringkat kerana menurut Cohen et al (2011), format tersebut sesuai bagi mengukur tahap, persepsi dan amalan. Skala Likert yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada lima kategori skor iaitu 1 merujuk kepada 'Sangat Tidak Setuju', skor 2 pula mewakili 'Tidak Setuju', skor 3 adalah 'Neutral' yang menunjukkan responden tidak mempunyai kecenderungan yang kuat antara 'Setuju' dan 'Tidak Setuju'. Skor 4 menunjukkan 'Setuju' manakala skor 5 ialah 'Sangat Setuju'.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi analisis tahap pengukuran, data yang dianalisis akan ditafsirkan mengikut skor min yang diperkenalkan oleh Landell (1997). Berdasarkan jadual pengukuran tahap skor min oleh Landell (1997), skor min dibahagikan kepada tiga kategori: nilai skor min antara 0.00 hingga 2.33 dianggap berada pada tahap rendah, nilai antara 2.34 hingga 3.67 dikategorikan sebagai tahap sederhana, manakala nilai skor min antara 3.68 hingga 5.00 menunjukkan tahap yang tinggi.

Jadual 1.0 Skor min oleh Landell (1997)

(Sumber: Landell, 1997)

Tahap Skor Min	Interpretasi
0.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

Jadual 2, 3, 4, dan 5 yang disediakan memaparkan hasil tinjauan yang dijalankan untuk menilai budaya inovasi dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah TS25. Responden dinilai menggunakan skala dari "Sangat Tidak Setuju" (STS) hingga "Sangat Setuju" (SS), dengan pilihan "Neutral" (N) sebagai pilihan tengah. Nilai min bagi keseluruhan pemboleh ubah menunjukkan tahap yang tinggi, dengan nilai min ( $M=4.03$ ) dan sisihan piawai ( $SP=0.521$ ).

### 5.1 Aql Tamyiz (Menganalisis)

Jadual 2 memperincikan frekuensi dan peratus bagi setiap item pemboleh ubah yang mengukur tahap budaya inovasi guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah TS25 dari sudut Aql Tamyiz, iaitu budaya menganalisis. Nilai min keseluruhan bagi pemboleh ubah ini berada pada tahap tinggi, dengan nilai ( $M=4.17$ ,  $SP=0.516$ ).

Jadual 2.0 Kekerapan Dan Peratus Budaya Inovasi Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah TS25 Dari Sudut Aql Tamyiz (Menganalisis)

No.	Item	TS		N		S		SS	
		F	%	F	%	F	%	F	%
B1.1	Analisis Murid Mengenal pasti tahap kognitif murid sebelum merancang pengajaran	0	0	34	8.6	200	50.4	163	41.1
B1.2	Mengenal pasti gaya pembelajaran terbeza murid	0	0	48	12.1	208	52.4	141	35.5
B1.3	Mengenal murid mengikut kecenderungan yang dimiliki	0	0	44	11.1	220	55.4	133	33.5

B1.4	Peka terhadap kekuatan murid	0	0	33	8.3	199	50.1	165	41.6
B1.5	Mengenal pasti masalah murid secara khusus	1	0.3	59	14.9	219	55.2	118	29.7
Analisis Topik									
B1.6	Mengenal pasti keperluan terhadap inovasi berdasarkan topik yang ingin diajar	2	0.5	73	18.4	213	53.7	109	27.5
B1.7	Mengenal pasti topik yang sukar difahami murid	0	0	25	6.3	222	55.9	150	37.8
B1.8	Mengenal pasti topik yang kurang diminati oleh murid	5	1.3	61	15.4	217	54.7	114	28.7
B1.9	Mengenal pasti tahap pengetahuan sedia ada murid terhadap topik yang ingin diajar	0	0	52	13.1	221	55.7	124	31.2
B1.10	Menghasilkan inovasi pengajaran berdasarkan isi kandungan DSKP	1	0.3	87	21.9	222	55.9	87	21.9
B1.11	Menganalisis topik yang memerlukan murid menggunakan KBAT	5	1.3	100	25.2	191	48.1	101	25.4
Keseluruhan		(M=4.17, SP=0.516)							
Nota: STS – Sangat Tidak Setuju, TS- Tidak Setuju, N – Neutral, S – Setuju, SS – Sangat Setuju									

Kajian ini mendapati budaya inovasi dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah rendah TS25 dari sudut Aql Tamyiz berada pada tahap tinggi dengan nilai ( $M=4.17$ ,  $SP=0.516$ ). Budaya menganalisis yang merangkumi analisis murid dan analisis topik membantu GPI mengenal pasti kekuatan murid serta merancang strategi pembelajaran yang berkesan. Dalam kajian ini, budaya inovasi Aql Tamyiz, yang merujuk kepada budaya menganalisis persekitaran murid, menunjukkan bahawa GPI memainkan peranan penting dalam mengawal jumlah pembelajaran yang berlaku. Pandangan ini selaras dengan teori Ibnu Khaldun (2002), yang menegaskan bahawa ketika guru mengajar, mereka perlu sentiasa peka terhadap keadaan murid-murid mereka. Guru harus memahami masalah dan cabaran yang dihadapi oleh murid serta berusaha mencari penyelesaian yang sesuai. Walaupun budaya menganalisis dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa budaya menganalisis topik yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berada pada tahap yang rendah. Secara keseluruhan, kajian mendapati GPI TS25 berjaya menguasai budaya analisis murid dan analisis topik, namun memerlukan peningkatan dalam penerapan elemen KBAT. Selari dengan teori Ibnu Khaldun, Aql Tamyiz membolehkan manusia membezakan perkara yang bermanfaat dan penting untuk kehidupan. GPI berupaya melaksanakan budaya inovasi dengan baik melalui pendekatan fleksibel, penyesuaian terhadap keperluan murid, dan penyediaan bahan bantu mengajar, tetapi perlu memberi perhatian lebih kepada elemen KBAT dalam membudayakan inovasi PdP.

## 5.2 Aql Taqribi (Mencipta)

Jadual 3.0 memperincikan frekuensi dan tahap bagi setiap item pemboleh ubah yang mengukur tahap budaya inovasi guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah TS25 dari sudut Aql Taqribi, iaitu budaya mencipta. Nilai min keseluruhan bagi pemboleh ubah ini berada pada tahap tinggi, dengan nilai ( $M=4.03$ ,  $SP=0.590$ ).

Jadual 3.0 Kekerapan Dan Peratus Budaya Inovasi Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah TS25 Dari Sudut Aql Taqribi (Mencipta)

No.	Item	TS		N		S		SS	
		F	%	F	%	F	%	F	%
B2.1	Melihat sesuatu perkara dari sudut pandang yang berbeza	3	0.8	89	22.4	215	54.2	90	22.7
B2.2	Mempunyai daya kreativiti untuk mengemukakan idea luar kotak	5	1.3	117	29.5	204	51.4	71	17.9
B2.3	Mencari penyelesaian dengan percubaan dan kaedah yang boleh difahami	0	0	62	15.6	238	59.9	97	24.4
B2.4	Mencipta perkara yang belum dicipta oleh orang lain	18	4.5	177	44.6	149	37.5	53	13.4
B2.5	Menambah baik inovasi sedia ada sesuai dengan murid saya	2	0.5	84	21.2	226	56.9	85	21.4
B2.6	Selesa sebagai pengguna inovasi	7	1.8	94	23.7	218	54.9	78	19.6
Keseluruhan		(M=4.03, SP=0.59)							
Nota: STS – Sangat Tidak Setuju, TS – Tidak Setuju, N – Neutral, S – Setuju, SS – Sangat Setuju									

Kajian mendapati budaya mencipta dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah rendah TS25 berada pada tahap tinggi dengan nilai (M=4.03, SP= 0.59), selaras dengan dapatan Wan Ali Akbar, et. al (2022). Namun, hasil kajian menunjukkan walaupun kefahaman konsep inovasi tinggi, GPI masih menghadapi cabaran untuk mencipta inovasi. Ini mungkin kerana, walaupun mereka memahami konsepnya, mereka mengalami kesukaran dalam mengaplikasikan ilmu atau pengetahuan tersebut untuk mencipta sesuatu yang baharu atau berbeza. Ini mencerminkan keperluan untuk menyelaraskan elemen teori dan praktikal dalam budaya inovasi. Perspektif Aql Tajribi sebagai budaya mencipta mengesahkan bahawa proses penciptaan bukan hanya berasaskan kefahaman teori tetapi juga melibatkan penguasaan praktikal yang mendalam, sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Maududi dan Al-Qurtubi dalam tafsiran mereka mengenai kreativiti ilahi yang menunjukkan bahawa kejadian tertentu diperintahkan dan tidak bergantung pada kehadiran bahan sebelumnya. Kajian ini menegaskan bahawa budaya mencipta harus menjadi tonggak utama dalam transformasi pendidikan.

### 5.3 Aql Nazari (Mengaplikasi)

Jadual 4.0 menunjukkan secara terperinci frekuensi dan peratus bagi setiap item pemboleh ubah tahap budaya inovasi guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah TS25 dari sudut Aql Nazari iaitu budaya mengaplikasi. Nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi dengan nilai (M=4.05, SP=.570).

Jadual 4.0 Kekerapan Dan Peratus Budaya Inovasi Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah TS25 Dari Sudut Aql Nazari (Mengaplikasi)

No.	Item	TS		N		S		SS	
		F	%	F	%	F	%	F	%
B3.1	Menggunakan inovasi yang sesuai dengan tahap murid saya	1	0.3	60	15.1	225	56.7	111	28.0
B3.2	Memudahkan ciri inovasi yang ada	0	0	63	15.9	235	59.2	99	24.9
B3.3	Menyesuaikan inovasi pengajaran dengan topik yang diajar	0	0	53	13.4	240	60.5	104	26.2

B3.4	Menggunakan inovasi dengan cara saya sendiri	2	0.5	78	19.6	224	56.4	93	23.4
B3.5	Menukar fungsi inovasi dalam situasi berbeza	1	0.3	87	21.9	232	58.4	77	19.4
B3.6	Menguji inovasi yang dihasilkan ketika Pdp untuk mengetahui penerimaan murid	2	0.5	93	23.4	219	55.2	83	20.9
Keseluruhan		(M=4.05,SP=0.570)							
Nota: STS – Sangat Tidak Setuju, TS- Tidak Setuju, N – Neutral, S – Setuju, SS – Sangat Setuju									

Kajian ini menyimpulkan bahawa budaya Aql Nazari (budaya mengaplikasi) dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) berada pada tahap yang tinggi. Hasil ini selaras dengan agenda transformasi pendidikan yang digariskan dalam Program TS25 serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025. Namun, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap pengaplikasian tersebut tidak dimanfaatkan secara konsisten dalam pelbagai situasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Kelemahan dalam penerapan budaya Aql Nazari walaupun dalam konteks inovasi tertentu menimbulkan persoalan sama ada tahap kesediaan dan sokongan yang diberikan kepada GPI mencukupi. Isu ini perlu ditangani melalui latihan yang lebih komprehensif dan sokongan teknikal yang kukuh, sebagaimana dicadangkan oleh Hasin, I., et al. (2022) dan Omar, M. N. (2022).

Kajian ini menekankan bahawa kesediaan penerimaan adalah elemen penting dalam memastikan keberhasilan pengaplikasian inovasi. Guru yang bersedia cenderung lebih positif dalam mengintegrasikan inovasi ke dalam pengajaran mereka. Namun, kekangan seperti kurang keyakinan, kekurangan masa, dan isu teknikal sering menjadi halangan.

Dapatan ini seharusnya mendorong penambahbaikan strategi pengurusan perubahan dalam kalangan guru. Menurut Mohamed Noh, N. et al. (2013), kesediaan ini bukan hanya perlu dipupuk tetapi juga dinilai sebelum pengenalan sesuatu inovasi. Penyediaan sumber yang lebih mesra pengguna dan latihan intensif dapat membantu meningkatkan keyakinan guru.

#### 5.4 Al-Taqqat Al-Quswa (Menilai)

Jadual 5.0 menunjukkan secara terperinci frekuensi dan peratus bagi setiap item pemboleh ubah tahap budaya inovasi guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah TS25 dari sudut Al Tuqat Al Quswa iaitu budaya menilai. Nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi dengan nilai (M=4.02, SP=.590).

Jadual 5.0 Ke kerap an Dan Peratus Budaya Inovasi Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah TS25 Dari Sudut Al-Taqqat Al-Quswa (Menilai)

No.	Item	TS		N		S		SS	
		F	%	F	%	F	%	F	%
B4.1	Menetapkan tujuan inovasi berdasarkan penyelesaian terhadap masalah murid	3	0.8	79	19.9	234	58.9	81	20.4
B4.2	Menilai kesan penggunaan inovasi terhadap prestasi murid	0	0	79	19.9	230	57.9	88	22.2
B4.3	Membuat refleksi terhadap kekuatan dan kelemahan inovasi yang dihasilkan	5	1.3	74	18.6	219	55.2	99	24.9
B4.4	Membuat penambahbaikan bagi setiap kekuatan dan kelemahan inovasi yang dihasilkan	7	1.8	78	19.6	214	53.9	98	24.7

B4.5	Menilai kredibiliti dan kerelevanan sumber yang digunakan dalam melaksanakan inovasi pengajaran	6	1.5	95	23.9	219	55.2	77	19.4
B4.6	Mengubah inovasi pengajaran berdasarkan maklumbalas murid	0	0	58	14.6	231	58.2	108	27.2
Keseluruhan		(M=4.02, SP=0.590)							
Nota: STS – Sangat Tidak Setuju, TS - Tidak Setuju, N- Neutral, S – Setuju, SS – Sangat Setuju									

Kajian ini mendapati budaya menilai dalam konteks Al Taqat Al Quswa telah mencapai tahap tinggi dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah rendah TS25. Penemuan ini memperkukuhkan pentingnya refleksi, penilaian, dan penyesuaian dalam memastikan keberkesanan pengajaran. Dalam konteks ini, dapatan kajian menyokong pandangan Sulaiman, E. (2004), yang menekankan bahawa guru perlu fleksibel, responsif kepada keperluan murid, dan bersedia untuk menilai semula bahan serta strategi pengajaran yang digunakan. Penilaian yang dijalankan bukan sahaja memberi maklumat mengenai keberkesanan pengajaran tetapi juga membuka ruang untuk penambahbaikan yang berterusan.

Satu aspek kritikal ialah keupayaan GPI untuk melaksanakan refleksi sendiri dan menerima maklum balas pelajar sebagai elemen penting dalam budaya inovasi. Walaupun refleksi sendiri memerlukan keikhlasan dan keterbukaan guru, dapatan kajian menunjukkan kesediaan GPI untuk bertindak berdasarkan maklum balas ini.

Hal ini selaras dengan teori Ibnu Khaldun (2002), yang menyarankan bahawa kritikan yang membina adalah asas kepada proses pembaikan. Kritikan dalam konteks ini bukanlah bertujuan untuk mencari kesalahan semata-mata, tetapi lebih kepada usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan memperkasa perkembangan profesional guru.

Jadual 6.0 Dapatan Keseluruhan Bagi Konstruk Budaya Inovasi

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Aql Tamyiz (budaya menganalisis)	4.17	0.52	Tinggi
Aql Tajribi (budaya mencipta)	4.03	0.59	Tinggi
Aql Nazari (budaya mengaplikasi)	4.05	0.57	Tinggi
Al-Taqat Al-Quswa (budaya menilai)	4.02	0.59	Tinggi

## 6.0 KESIMPULAN

Dapatan menyimpulkan bahawa budaya inovasi berdasarkan elemen seperti Aql Tamyiz, Aql Taqribi, Aql Nazari, dan Al Taqat Al Quswa telah menjadi sebahagian daripada budaya organisasi GPI di sekolah rendah TS25. Secara keseluruhan, kajian mendapati GPI TS25 berjaya menguasai budaya inovasi, namun memerlukan peningkatan dalam beberapa elemen seperti kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan pengaplikasian teknologi. Penemuan ini menunjukkan bahawa budaya inovasi memerlukan sokongan kepimpinan, kolaborasi, dan kemahiran profesional guru. Dengan membudayakan inovasi pengajaran, guru dapat merangka strategi pengajaran yang lebih responsif, fleksibel, dan relevan dengan keperluan murid. Hal ini bukan sahaja meningkatkan kualiti pengajaran tetapi juga menyumbang kepada pembangunan modal insan yang lebih holistik dan kompeten. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam dunia

pendidikan. Faktor kesediaan guru merupakan aspek yang penting kerana implikasi daripada faktor ini bakal menentukan keberhasilan murid.

## 7.0 RUJUKAN

- Abdullah, N. (2020). Trend dan isu pendidikan abad ke-21. Penerbit UPSI.
- Abdullah, N. H. H. b., & Darusalam, G. (2018). Kesediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3).
- Ahmad, M. N., Abdul Razak, K., & Muhammad Nor, M. S. (2021). Inovasi Dalam Pengajaran Hafazan Guru Kelas Kemahiran Quran (KKQ): Tujuan Dan Impak Pelaksanaan. *Prosiding Seminar Inovasi Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab 2021: Pembudayaan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Efektif Di Era Pandemik COVID-19*, 118–131.
- Awang, Z. (2012). *Structural Equation Modeling Using AMOS Graphic*. Penerbit Universiti Teknologi MARA
- Awi, N. L., & Zulkifli, H. (2021). Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Abad Ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 40–54.
- Azzaakiyyah, H. K. (2023). The Impact Of Social Media Use On Social Interaction In Contemporary Society. *Technology and Society Perspectives (TACIT)*, 1, 1–9. <https://doi.org/10.61100/tacit.v1i1.33>.
- Bahkia, A. S., Awang, Z., Afthanorhan, A., Ghazali, P. L., & Foziah, H. (2019). Exploratory Factor Analysis On Occupational Stress In Context Of Malaysian Sewerage Operations. *AIP Conference Proceedings*, 2138, Article 050006.
- Barbara G. Tabachnick & Linda S. Fidell (2013). *Using Multivariate Statistics*, 6th Edition California State University, Northridge
- Cochran, W. G. (1977). *Sampling Techniques* (3rd ed.). Wiley.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Research Methods in Education* (7th ed.). Routledge.
- Daraba, D., Salam, R., Wijaya, I. D., Baharuddin, A., Sunarsi, D., & Bustamin, B. (2023). Membangun Pelayanan Publik Yang Inovatif Dan Efisien Di Era Digital Di Indonesia. *Jurnal Pallangga Praja (JPP)*, 5(1), 31–40. <https://doi.org/10.61076/jpp.v5i1.3428>
- Darusalam, G., & Husin, S. (2018). Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian. Penerbit Universiti Malaya.
- DeVellis, R.F. (2003). *Scale Development Theory and Applications*. (2nd ed.). Thousand Oaks, California: Sage Publications
- Faisal, S. A. M., & Adnan, N. H. (2021). Tahap Kesediaan Dan Penerimaan Guru Dalam Mempraktikkan Penggunaan Teknologi Digital IR 4.0 Sebagai Bahan Bantu Mengajar Dalam Pendidikan Rendah. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1 (3).
- Gay L.R, Peter W Airasian. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Hair Jr, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. & Sarstedt, M. (2014). *A Premier On Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*. Sage Publications.
- Hamzah, H., Henry, J. D., & Mahamod, Z. (2021). Penerapan Amalan Kreativiti, Pemikiran Kritis, Kolaborasi Dan Komunikasi (4C) Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 239–248.

- Hasin, I., Othman, R., Abdullah, N. S., Yusoff, K. M., & Ab Rahman, M. R. (2022). Isu dan cabaran pembelajaran digital dalam transformasi pendidikan negara pasca Covid-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 23–32.
- Hoque, A. S. M. M.; Siddiqui, B. A.; & Awang, Z. (2018). Technopreneurial Competency Effect on Technology-based SME Performance: A Structural Equation Modelling on Bangladeshi SMEs. *International Journal of Entrepreneurship and Small & Medium Enterprise (IJESME)*, 5(July).
- Isnon, H., & Badusah, J. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – Mylej)*, 7(1), 1–12.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). Konvensyen Kebangsaan Program Transformasi Sekolah (TS25)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2022). Pembekal Set data Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah TS25
- Khaldun, I. (1993). *Muqaddimah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khaldun, I. (2002). *Muqaddimah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Noh, N., Ahmad Mustafa, H. M., Hamzah, M., Ismail, M. A., & Abdullah, N. (2013). Penggunaan Inovasi Teknologi Dalam Pengajaran: Cabaran Guru Dalam E-Pembelajaran. In *Proceedings of the 7th International Malaysian Educational Technology Convention (IMETC 2013)*, Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia, 16–18 September 2013.
- Omar, M. N. (2022). Pengaruh Kepimpinan Teknologi Pengetua Dan Efikasi Kendiri Guru Terhadap Penerimaan Teknologi Mudah Alih Di Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Kedah (PhD thesis). Universiti Utara Malaysia.
- Omar, M. R., & Puteh, S. (2019). Penguasaan Pengetahuan Teknologi Dan Inovasi Pengajar Di Pusat Latihan Teknikal Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Online Journal for TVET Practitioners*, 4(2), 114–119.
- Othman, M. S. (2020). Isu dan permasalahan (PdP) kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam amalan pengajaran guru menurut pandangan Ibn Khaldun. *Malaysian Journal for Islamic Studies*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin. e-ISSN: 2550-2042.
- Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual: A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS (4th Ed.)*. Australia: Allen & Unwin.
- Shkeer, A. S., & Awang, Z. (2019). Exploring the Items for Measuring the Marketing Information System Construct: An Exploratory Factor Analysis. *International Review of Management and Marketing*, 9(6), 87-97.
- Sulaiman, E. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Penerbit UTM.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2007). *Using Multivariate Statistics (5th ed.)*. New York: Allyn and Bacon.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2019). *Using multivariate statistics (7th ed.)*. New York: Pearson Education.
- Wan Ali Akbar bin Wan Abdullah, Khadijah binti Abdul Razak, Mohd Isa bin & Nursafra binti Mohd Zhaffar (2023). Motivasi Penghasilan Inovasi Pengajaran oleh Guru Inovatif Pendidikan Islam, *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* Vol. 7 June 2023, no. e-ISSN 2590-3799
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah (2021) Inovasi i-Think Menurut Perspektif Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 7(1), 1–8.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah (2022). Proses Jana Idea untuk Menghasilkan Inovasi Pengajaran: Gaya Guru Inovatif Pendidikan Islam, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 47(1) (2022)

Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2020). Konsep Guru Inovatif. Santai Ilmu Publication.  
Zainuddin Zakaria, M., Ismail, S. N., Don, Y., & Wan Yakob, W. R. (2021). Hubungan Antara Kepimpinan Transformasional Dengan Keberkesanan Sekolah Di Sekolah-Sekolah TS25 Daerah Gua Musang Kelantan. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6(42).